Re Yap Kin, ex p United Malayan Banking Corp Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — KEBANKRAPAN NO D5-29-405-94
KAMALANATHAN RATNAM PK
16 FEBRUARI 1996

Kebankrapan *— Petisyen — Kesahan petisyen pemiutang — Kegagalan pemiutang menyatakan dalam petisyen kesanggupannya menyerahkan cagaran atau memberikan nilai cagaran — Cagaran diberikan oleh pihak ketiga — Sama ada pemiutang penghakiman merupakan 'secured creditor' mengikut peruntukan statut — Sama ada s 5(2) Akta Kebankrapan 1967 mesti dipatuhi — Akta Kebankrapan 1967 ss 2, 3 & 5(2)*

Kebankrapan *— Petisyen — Kesahan petisyen pemiutang — Petisyen dikemukakan sebelum keputusan permohonan penghutang penghakiman untuk mengetepikan notis kebankrapan — Akta Kebankrapan 1967 s 5(1) — Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 k 95(1) & (2)*

Kebankrapan *— Petisyen — Penyampaian — Pempetisyen gagal menyampaikan petisyen bersama-sama afidavit menentusahkan petisyen — Sama ada petisyen pemiutang mesti disampaikan kepada penghutang bersama-sama afidavit menentusahkan petisyen — Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 k 109*

Ini adalah satu rayuan terhadap keputusan penolong kanan pendaftar ('PKP') yang telah menolak notis bantahan penghutang penghakiman ('perayu') terhadap petisyen pemiutang yang telah dikeluarkan oleh pemiutang ('UMBC') dengan kos. Perayu merupakan penggerenti satu pinjaman yang diberikan oleh UMBC yang juga dijamin oleh satu cagaran ke atas harta kepunyaan satu pihak ketiga. Notis kebankrapan telah dikeluarkan oleh UMBC pada 25 Februari 1994 dan diserahkan pada perayu pada 3 April 1994. Perayu kemudiannya telah memfailkan afidavit untuk mengetepikan notis itu. Sebelum permohonan perayu untuk mengetepikan notis kebankrapan itu didengar, UMBC telah memfailkan petisyen pemiutang pada 5 Julai 1994 yang mengatakan bahawa perayu telah melakukan satu perbuatan kebankrapan pada 11 April 1994. Petisyen pemiutang itu diserahkan pada perayu tanpa satu afidavit yang menentusahkan petisyen itu. Perayu telah membangkitkan tiga isu: (i) sama ada UMBC harus mematuhi keperluan s 5(2) Akta Kebankrapan 1967 ('Akta tersebut') dengan menyatakan dalam petisyennya bahawa ia bersedia menyerahkan cagarannya; (ii) pada tarikh yang manakah perayu telah melakukan suatu perbuatan kebankrapan; dan (iii) sama ada afidavit menentusahkan petisyen pemiutang perlu diserahkan ke atas perayu bersama-sama dengan petisyen itu.

Diputuskan, membenarkan rayuan itu:

(1) Keperluan untuk menyatakan kesanggupan seseorang 'secured creditor' untuk menyerahkan cagarannya atau pun untuk memberikan nilai cagaran dalam petisyen di bawah s 5(2) Akta tersebut hanya terpakai, memandangkan taktif 'secured creditor'

di dalam s 2 Akta tersebut, di mana cagaran tersebut telah diberikan oleh penghutang sendiri dan bukannya oleh pihak ketiga. Dalam kes ini, cagaran yang dipegang oleh UMBC telah diberikan oleh satu pihak ketiga. Oleh itu, UMBC bukanlah 'secured creditor' dan tidak perlu mematuhi peruntukan s 5(2) Akta tersebut (lihat ms 359E–360H); *Perwira Habib Bank Malaysia Bhd v Samuel Pakianathan* [1993] 2 MLJ 423 dan *Re Rabindera Singh s/o Arjan Singh, ex p Malaysian International Merchant Bankers Bhd* [1989] 2 CLJ 858 diikut; *Yip Kim Khoon v The Hongkong & Shanghai Banking Corp* [1991] 2 CLJ 1631 tidak diikut.

(2) Di mana sebelum tempoh masa untuk mematuhi notis kebankrapan luput penghutang memfailkan satu permohonan menerusi afidavit k 95(1) Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 ('Kaedah-Kaedah itu'), mengikut k 95(2), tiada perbuatan kebankrapan dianggap sebagai telah dilakukan sehingga permohonan itu diputuskan. Dalam kes ini, keputusan permohonan itu cuma diberikan pada 23 Disember 1994. Oleh itu petisyen pemiutang yang telah dikeluarkan pada 5 Julai 1994, sebelum permohonan perayu menerusi afidavit k 95(1) diputuskan, berdasarkan perbuatan kebankrapan perayu yang dikatakan telah berlaku pada 11 April 1994 akibat ketakpatuhan notis kebankrapan itu, adalah tak sah dan batal (lihat ms 361C–362G); *Re Natarajan a/l Kuppusamy, ex p Co-operative Central Bank Ltd (in receivership)* [1992] 2 MLJ 468 diikut.

Obiter:

Cara tunggal yang memuaskan dan betul untuk menentusahkan petisyen pemiutang adalah untuk mencantumkan salinannya dengan afidavit yang menentuhsahkannya (lihat ms 363G–365A); *Ooi Thean Chuan v Banque Nationale de Paris* [1992] 2 MLJ 526 diikut. Namun demikian, oleh kerana k 109 Kaedah-Kaedah itu jelas tidak menyebut tentang penyerahan petisyen pemiutang bersama-sama dengan afidavit yang menentusahkannya, maka penyerahan afidavit menentusahkan petisyen pemiutang bersama-sama dengan petisyen itu adalah tidak perlu (lihat ms 365E–G).

[English summary

This was an appeal against the decision of the senior assistant registrar ('the SAR') which dismissed the notice of objection of the judgment debtor ('the appellant') against the creditor's petition issued by the creditor ('UMBC') with costs. The appellant was the guarantor of a loan given by UMBC which was also secured by a charge on a property belonging to a third party. The bankruptcy notice was issued by UMBC on 25 February 1994 and served on the appellant on 3 April 1994. The appellant then filed an affidavit to set aside the notice. Before the appellant's application to set aside the bankruptcy notice was heard, UMBC filed a creditor's petisyen on 5 July 1994 which alleged that the appellant had committed an act of bankruptcy

on 11 April 1994. The creditor's petition was served on the appellant without an affidavit verifying the petition. The appellant raised three issues: (i) whether UMBC should follow the requirement in s 5(2) of the Bankruptcy Act 1967 ('the Act') by stating in its petition that it was ready to give up its security; (ii) at which date did the appellant commit an act of bankruptcy; and (iii) whether an affidavit verifying the creditor's petition must be served together with the petition on the appellant.

Held, allowing the appeal:

(1) The requirement to state the willingness of a 'secured creditor' to give up its security or to give the value of the security in the petition under s 5(2) of the Act only applies, considering the definition of 'secured creditor' in s 2 of the Act, where the security is supplied by the debtor himself and not by some other third party. In this case, the security held by UMBC was given by a third party. Therefore, UMBC was not a 'secured creditor' and did not have to comply with the provisions of s 5(2) of the Act (see pp 359E–360H); *Perwira Habib Bank Malaysia Bhd v Samuel Pakianathan* [1993] 2 MLJ 423 and *Re Rabindera Singh s/o Arjan Singh, ex p Malaysian International Merchant Bankers Bhd* [1989] 2 CLJ 858 followed; *Yip Kim Khoon v The Hongkong & Shanghai Banking Corp* [1991] 2 CLJ 1631 not followed.

(2) Where before the time period for complying with a bankruptcy notice has expired a debtor files an application through an affdavit under r 95(1) of the Bankruptcy Rules 1969 ('the Rules'), by virtue of r 95(2), no act of bankruptcy is deemed to have been committed until the application has been determined. In this case, the decision to the application was only given on 23 December 1994. Therefore, the creditor's petition which was issued on 5 July 1994, before the appellant's application through the r 95(1) affidavit was decided, based on the appellant's act of bankruptcy allegedly committed on 11 April 1994 due to non-compliance with the bankruptcy notice, was null and void (see pp 361C–362G); *Re Natarajan all Kuppusamy, ex p Co-operative Central Bank Ltd (in receivership)* [1992] 2 MLJ 468 followed.

Obiter:

The correct and only satisfactory way to verify a creditor's petition is to annex a copy of it to the affidavit verifying it (see pp 363G–365A); *Ooi Thean Chuan v Banque Nationale de Paris* [1992] 2 MLJ 526 followed. Nevertheless, since r 109 of the Rules clearly does not mention the service of the creditor's petition together with the affidavit verifying it, thus the service of the affidavit verifying the creditor's petition together with the petition is not necessary (see p 365E–G).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kesahan petisyen pemiutang di bawah undang-undang kebankrapan, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1995 Reissue) perenggan 1522–1529.

Kes-kes rujukan

Datuk Lim Kheng Kim v Malayan Banking Bhd [1993] 2 MLJ 298
Krishnamurthy Nagaratnam, Re, ex p Mayban Finance Bhd [1990] 2 MLJ 183
Natarajan all Kuppusamy, Re, ex p Co-operative Central Bank Ltd (in receivership) [1992] 2 MLJ 468
Ooi Thean Chuan v Banque Nationale de Paris [1992] 2 MLJ 526
Perwira Habib Bank Malaysia Bhd v Samuel Pakianathan [1993] 2 MLJ 423
Rabindera Singh, Re, ex p Malaysian International Bankers Bhd [1989] 2 CLJ 858
Soh Bok Yew v Cindee Developments Sdn Bhd [1977] 1 MLJ 242
Yip Kim Khoon v The Hongkong & Shanghai Banking Corp [1991] 2 CLJ 1631

Undang-undang rujukan

Akta Kebankrapan 1967 ss 2, 3, 5, 6
Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 k 95, 106, 107, 108, 109, Borang 11

CH Yeap (*Teh & Associates*) bagi pihak perayu/penghutang penghakiman.
TP Ling (*Che Mokhtar & Co*) bagi pihak penentang/pemiutang penghakiman.

Cur Adv Vult

Kamalanathan Ratnam PK: Ini adalah suatu rayuan terhadap keputusan penolong kanan pendaftar ('PKP') pada 20 Jun 1995 di mana notis bantahan penghutang penghakiman ('perayu') terhadap petisyen pemiutang ('UMBC') ditolak dengan kos. Perayu telah membangkitkan tiga isu. Isu pertama adalah sama ada UMBC harus mematuhi keperluan dalam s 5(2) Akta Kebankrapan 1967 ('Akta tersebut') dengan menyatakan dalam petisyennya bahawa ia bersedia menyerahkan cagarannya. Isu kedua adalah berkenaan dengan tarikh iaitu pada tarikh yang manakah perayu telah melakukan suatu perbuatan kebankrapan. Isu ketiga adalah sama ada afidavit menentusahkan petisyen perlu diserahkan ke atas perayu bersama-sama dengan petisyen pemiutang.

Sama ada UMBC perlu mematuhi s 5(2) Akta tersebut

Seksyen 5(2) Akta tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> (2) If the petitioning creditor is a secured creditor he must in his petition either state that he is willing to give up his security for the benefit of the

creditors in the event of the debtor being adjudged bankrupt, or give an estimate of the value of his security. In the latter case he may, to the extent of the balance of the debt due to him, after deducting the value so estimated, be admitted as a petitioning creditor in the same manner as if he were an unsecured creditor.

Dalam s 2 Akta tersebut, 'secured creditor' diberikan takrif seperti berikut:

(2) 'Secured creditor' means a person holding a mortgage, charge or lien on *the property of the debtor* or any part thereof as a security for a debt due to him from the debtor, but shall not include a plaintiff in any action who has attached the property of the debtor before judgment; (Tekanan ditambah.)

Dalam notis oleh perayu untuk membuat bantahan terhadap petisyen, iaitu Borang 16 yang difailkan mengikut k 117 Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 ('Kaedah-Kaedah tersebut')), perayu menyatakan dalam perenggan 3 bahawa pinjaman yang dijamin olehnya dijamin juga oleh suatu gadaian atas Tanah GM No 125 bagi Lot No 8208, Kampung Tok Jembal, Mukim Kuala Nerus, Kuala Terengganu ('harta tersebut') melalui suatu gadaian bernombor 2025/84 jilid 7 folio 13, yang dipunyai oleh Mohd Zahid bin Muda, memihak kepada UMBC. Oleh kerana ini, peguam perayu telah berhujah bahawa UMBC adalah 'secured creditor' yang dimaksudkan dalam s 5(2) Akta tersebut dan menyatakan bahawa UMBC tidak boleh menuntut dua kali untuk satu hutang, iaitu sekali dari penjamin dan sekali lagi dari penjualan harta itu di mana suatu perintah jualan telah pun dibenarkan.

Saya telah menelitikan peruntukan dalam ss 2 dan 5(2) Akta tersebut serta s 3(3) di mana perkataan 'debtor' juga ditakrifkan dan saya tidak dapat menerima hujah perayu. Sepertimana diberikan tekanan tadi, harta itu hendaklah harta kepunyaan 'debtor' manakala dalam kes ini notis bantahan perayu sendiri mengakui bahawa harta itu kepunyaan orang lain dan bukan hartanya. Tambahan pula, saya terikat dengan penghakiman Mahkamah Agung (pada masa itu) dalam kes *Perwira Habib Bank Malaysia Bhd v Samuel Pakianathan* [1993] 2 MLJ 423, di mana Mohamed Azmi HMA dalam menyampaikan keputusan mahkamah tersebut telah merujuk kepada dua kes iaitu *Re Rabindera Singh s/o Arjan Singh, ex p Malaysian International Merchant Bankers Bhd* [1989] 2 CLJ 858 dan meluluskan kes ini manakala kes *Yip Kim Khoon v The Hongkong & Shanghai Banking Corp* [1991] 2 CLJ 1631 tidak dipersetujui. Di ms 431–433, hakim yang bijaksana menyatakan seperti berikut:

In *Re Rabindera Singh s/o Arjan Singh, ex p Malaysian International Merchant Bankers Bhd*, Siti Norma Yaakob J citing the case of *Ex p Nest Riding Union Banking Co* (1881) 19 Ch D 108, held at p 859:

'From the definition, it is clear that the requirement to state the petitioner's willingness to give up the security or give the value of the security in the petition under s 5(2) only applies where the security is supplied by the debtor himself and not by some other third party.'

In the petition before her Ladyship, the debtor in the judgment creditor's petition whose liability arose as a guarantor, did not provide ... the security

but it was given by the principal borrower (which is similar to the present appeal). For that reason, it was held that the requirement of s 5(2) did not apply.

But in a later case, Shaik Daud J in *Yip Kim Khoon v The Hongkong & Shanghai Banking Corp* would appear to hold the opposite view ...

We did not know why the *Rabindera Singh* case was not cited or discussed in *Yip Kim Khoon*. Mr Lingam, counsel for the respondent had urged us to reject *Rabindera Singh* and to adopt *Yip Kim Khoon*. We disagreed. In our view, what was crucial here was to determine whether under s 5(2) the appellant bank as a petitioning creditor was a 'secured debtor', not in the loan agreement with the principal borrower, but under the contract of guarantee with Mr Samuel [the judgment debtor] from which had emanated Mr Samuel's liability in the O 14 judgment and upon which in turn the bankruptcy notice and petition were based. In short, Mr Samuel was the only 'debtor' in these bankruptcy proceedings before the court on account of the judgment, and his alleged act of bankruptcy was governed by s 3(1)(i) for non-compliance with a bankruptcy notice. In the circumstances, we are of the opinion that the word 'debtor' appearing in ss 2 and 5(2) must mean and should be limited to the actual 'debtor' involved in these particular bankruptcy proceedings and should not include any other debtors that may exist. Thus, in this particular petition, to clothe the appellant bank as a 'secured creditor' under s 5(2), it must be shown that the appellant bank was holding a mortgage, charge or lien on the property of Mr Samuel, as a security for the debt of RM11.2m due to the bank from Mr Samuel. It was common ground that Mr Samuel had not given any security to the bank for his debt as a guarantor. Both the landed security and debenture, were admittedly given by the principal borrower and none by Mr Samuel. In fact, the contract of guarantee executed by Mr Samuel was a third form of collateral of security given to the bank in addition to the landed charge and debenture. Thus, in these particular bankruptcy proceedings, as far as Mr Samuel was concerned, the appellant bank was not a secured creditor within the meaning of s 5(2), and as such non-compliance with its requirement could not be fatal to the petition. Further, the 'wider' or liberal interpretation of s 5(2) advocated by Shaik Daud J was a serious departure from the established principle of strict interpretation of bankruptcy legislation We accordingly approved the judgment of Siti Norma J in *Rabindera Singh* in preference to *Yip Kim Khoon*.

Saya telah memetik keseluruhan penghakiman Mahkamah Agung berkenaan isu ini kerana petikan itu bertepatan sekali (on all fours) dengan fakta dalam rayuan di hadapan saya dan tidak perlulah saya memberikan alasan lain kerana telah disebut dengan jitu oleh hakim yang bijaksana.

Oleh ini, berdasarkan atas sebab-sebab di atas, isu pertama mesti gagal.

Tarikh berlakunya perbuatan kebankrapan

Dalam kes ini, notis kebankrapan telah dikeluarkan pada 25 Februari 1994 dan diserahkan pada 3 April 1994 ke atas perayu. Perayu telah memfailkan afidavit untuk mengetepikan notis kebankrapan, iaitu Borang 7 yang difailkan mengikut k 95 Kaedah-Kaedah tersebut, pada 8 April 1994, iaitu dalam tempoh masa yang dibenarkan. Akan tetapi tiada tarikh ditetapkan oleh PKP untuk mendengar bantahan perayu dan tiada

perlanjutan masa diberikan juga, sepertimana dikehendaki oleh k 95 Kaedah-Kaedah tersebut, di mana diperuntukkan bahawa:

> 95 (1) The filing of an affidavit shall operate as an application to set aside the bankruptcy notice, and *thereupon the registrar shall fix a day for hearing the application* and shall not give less than three clear days' notice thereof to the debtor, the creditor and their respective solicitors, if known.
>
> (2) If the application cannot be heard before the time specified in the notice for compliance with its requirements, *the registrar shall extend the time*, and no act of bankruptcy shall be deemed to have been committed under the notice until the application has been heard and determined (Tekanan ditambah.)

Pada 20 Jun 1994, PKP telah menetapkan permohonan perayu untuk mengetepikan notis kebankrapan untuk didengar pada 26 September 1994, setelah menerima surat daripada peguam UMBC yang memohon agar tarikh ditetapkan. Sebelum sampainya tarikh pendengaran tersebut, UMBC telah memfailkan petisyen pemiutang pada 5 Julai 1994, dan dalam perenggan 4 petisyen tersebut, menyatakan bahawa perbuatan kebankrapan telah berlaku pada 11 April 1994. Permohonan yang ditetapkan pada 26 September 1994 telah ditangguhkan ke 12 Disember 1994 dan keputusan diberikan pada 23 Disember 1994 di mana permohonan perayu ditolak dengan kos.

Mengikut peguam perayu, UMBC telah menyatakan dalam petisyen pemiutang bahawa perbuatan kebankrapan telah berlaku pada 11 April 1994 tetapi afidavit untuk mengetepikan notis kebankrapan telah pun difailkan oleh perayu pada 8 April 1994 ('Borang 7') dan menurut k 95(2) Kaedah-Kaedah tersebut, tiada perbuatan kebankrapan yang telah berlaku daripada tarikh pemfailan Borang 7 sehingga 23 Disember 1994 iaitu tarikh di mana permohonan perayu mengetepikan notis kebankrapan telah ditolak oleh PKP. Peguam perayu telah tidak mengemukakan sebarang nas undang-undang untuk menyokong hujahnya tetapi peguam UMBC, sebagai pegawai mahkamah, telah menarik perhatian saya kepada kes *Re Natarajan a/l Kuppusamy, ex p Co-operative Central Bank Ltd (in receiverhip)* [1992] 2 MLJ 468. Dalam kes tersebut, pemohon telah memohon kepada mahkamah untuk suatu perintah mengetepikan notis kebankrapan yang diserahkan atasnya sebelum luputnya tujuh hari yang ditetapkan untuk membuat demikian. Suatu petisyen kebankrapan telah diserahkan ke atas pemohon sebelum pendengaran permohonannya untuk mengetepikan notis kebankrapan. Dalam kes itu juga, PKP telah tidak menetapkan tarikh untuk mendengar permohonan. Hujahan pemohon adalah bahawa oleh kerana adanya peruntukan dalam k 95(2) Kaedah-Kaedah tersebut, maka ia tidak boleh dikatakan sebagai telah melakukan suatu perbuatan kebankrapan. VC George H (semasa itu) tidak mengikut keputusan dalam kes *Re Krishnamurthy Nagaratnam, ex p Mayban Finance Bhd* [1990] 2 MLJ 183 tetapi telah mengikuti keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Soh Bok Yew v Cindee Developments Sdn Bhd* [1977] 1 MLJ 242, dan hakim yang arif itu telah menyatakan, pada ms 471, bahawa:

Unlike the learned judge in *Re Krishnamurthy Nagaratnam*, I had the benefit of having my attention drawn (by Tengku Mazani representing the official assignee) to the judgment of the Federal Court in *Soh Bok Yew v Cindee Developments Sdn Bhd* where the Federal Court in its judgment referred to a judgment of Harman J in *Re A Debtor (No 10 of 1953)* [1953] 1 WLR 1050 where at p 1054 the learned judge pointed out that the rule (equivalent to our r 95(2)) is directory and compels the registrar to extend it (ie the time given to the respondent to pay up what is demanded in the bankruptcy notice) until the application has been heard and determined. The Federal Court with reference to the case before it said that there had been several adjournments of the application by the judge but that did not make any difference 'because the registrar has no choice and may be deemed to have made corresponding extensions of time in compliance with the notice'.

I have made by own enquiries in respect of the current practice in our courts and understand the position to be that the registrars generally do not expressly extend the time that they are required to do by virtue of r 95 (2).

Accordingly I hold that in the face of the language used in r 95(2) and the prevailing practice, where the r 95(1) affidavit is filed before the expiry of the statutory seven days given by the bankruptcy notice, the time for compliance with the notice is deemed to have been extended until the application has been heard and determined.

Section 5(1) of the Act provides that a creditor shall not be entitled to present a bankruptcy petition against a debtor unless, among other things and as provided by s 5(1)(c), an act of bankruptcy on which the petition is grounded, has been committed within six months before the presentation of the petition. It follows that where before the period for compliance with a bankruptcy notice has expired, the alleged debtor files a r 95(1) affidavit application, as no act of bankruptcy is deemed to be committed until the disposal of the application, the filing of a petition before the disposal of the application purportedly grounded on non-compliance of the bankruptcy notice is invalid. The petitioner has to wait until the disposal of the application before filing the petition.

Oleh kerana petisyen pemiutang telah dikeluarkan pada 5 Julai 1995 berdasarkan perbuatan kebankrapan yang dikatakan telah berlaku pada 11 April 1994, maka berdasarkan prinsip-prinsip kes *Re Natarajan* yang dipersetujui oleh saya, saya memutuskan bahawa petisyen pemiutang bertarikh 5 Julai 1994 adalah tidak sah dan batal.

Dalam pada ini juga, saya ingin menasihati PKP bahagian kebankrapan supaya menetapkan tarikh perbicaraan sebaik sahaja afidavit (Borang 7) di bawah k 95(1) Kaedah-Kaedah tersebut diterima dan perlanjutan masa diberikan sekaligus sepertimana diperuntukkan oleh k 95(2) Kaedah-Kaedah tersebut, sekiranya tarikh yang ditetapkan terkeluar daripada jangkamasa yang dinyatakan.

Sekiranya tidak, permohonan seseorang penghutang akan dibiarkan tergantung sahaja dan pemiutang ditahan daripada menikmati hasil penghakimannya. Adalah diperhatikan bahawa masalah yang sama telah timbul dalam kes *Datuk Lim Kheng Kim v Malayan Banking Bhd* [1993] 2 MLJ 298 dan Mahkamah Agung, di ms 303–304, telah menyentuh berkenaan masalah ini dan bersetuju dengan keputusan VC George H (semasa itu).

A *Keperluan menyerahkan afidavit menentusahkan petisyen bersama-sama dengan petisyen pemiutang*

Sebenarnya isu ini tidak perlu diputuskan lagi, sebab saya telah memutuskan bahawa petisyen pemiutang yang dikeluarkan sebelum perbuatan kebankrapan berlaku adalah tak sah dan batal. Akan tetapi, oleh kerana isu B ini telah dibangkitkan saya akan menyatakan undang-undang yang berkaitan dengan isu ini juga, iaitu sama ada perlu atau tidak afidavit menentusahkan petisyen pemiutang diserahkan bersama-sama dengan petisyen itu. Dalam kes ini perayu hanya diserahkan dengan petisyen pemiutang dan tiada afidavit diserahkan bersama-samanya. Ini adalah jelas daripada afidavit C penyampaian Ismail bin Mohd Isa bertarikh 7 Februari 1995. Hujah peguam perayu adalah bahawa, berdasarkan s 6(1) Akta tersebut, afidavit itu hendaklah diserahkan. Seksyen 6(1) Akta tersebut memperuntukkan bahawa:

> 6(1) A creditor's petition shall be verified by affidavit of the creditor or of some person on his behalf having knowledge of the facts, and shall be D served as prescribed.

Untuk memastikan apa yang telah ditetapkan, saya telah merujuk kepada k 106–109 Kaedah-Kaedah tersebut. Kaedah-kaedah 106–108 Kaedah-Kaedah tersebut menyatakan bahawa sesuatu petisyen pemiutang haruslah ditentusahkan dengan afidavit dan borang yang ditetapkan adalah Borang E 11; dan sekiranya pemiutang sendiri tidak dapat menentusahkan segala fakta dalam petisyen, orang lain boleh memfailkan afidavit tambahan; dan PKP haruslah memastikan bahawa segala fakta dalam petisyen adalah benar sebelum petisyen tersebut dimeteraikan untuk serahan. Dalam k 109 Kaedah-Kaedah tersebut pula, dinyatakan bahawa:

F
> 109 A creditor's petition shall be personally served and service shall be effected by an officer of the court or by the creditor or his solicitor or a person in their employment by delivering a sealed copy of the petition to the debtor.

Dalam k 106–109 Kaedah-Kaedah tersebut, tidaklah disebutkan bahawa G petisyen haruslah diserahkan bersama-sama dengan Borang 11 sepertimana didakwa oleh perayu. Dalam Borang 11 yang merupakan afidavit mengenai kebenaran penyataan-penyataan dalam petisyen, terdapat penyataan seperti berikut: 'I, the petitioner named in the petition *hereunto annexed*, affirm and say:'.

H Peguam perayu telah merujuk kepada kes *Ooi Thean Chuan v Banque Nationale de Paris* [1992] 2 MLJ 526 di mana isunya adalah sama ada kegagalan untuk mencantumkan afidavit dengan petisyen menjadikan petisyen tersebut batal dan tak sah. Keputusan Edgar Joseph Jr H (semasa itu) di ms 532 dan 533 adalah seperti berikut:

I
> Although the affidavit was filed together with the petition on 13 September 1990, the petition was not attached to, or tied to, or bound to the affidavit. The question arises whether this was essential.
>
> To put matters in proper perspective it is necessary to reproduce s 6(1), r 106 and Form 11. Section 6(1) reads as follows:

'A creditor's petition shall be verified by affidavit of the creditor or of some person on his behalf having knowledge of the facts, and shall be served as prescribed.'

Rule 106 reads as follows:

'(1) A creditor's petition shall be verified by affidavit.

(2) A petitioning creditor ... shall file an affidavit made by some person who can depose to them.'

Form 11 reads as follows:

'No 11

(Rule 106)

(Title)

Affidavit of truth of statements in petition

I, the petitioner named in the petition hereunto annexed, affirm (if the petitioner declares or affirms, alter the form accordingly) and say:

(1) That the several statements in the said petition are within my own knowledge true.

Affirmed at, etc ...

Note — If the petitioner cannot depose that the truth of all the several statements in the petition is within his own knowledge, he must set forth the statements the truth of which he can depose to, and file a further affidavit by some person or persons who can depose to the truth of the remaining statements.'

It is obvious that the verifying affidavit prescribed by r 106 is Form 11 which requires the petition to be annexed to it.

Hakim yang bijaksana menyambung di ms 533 dan 534:

The next question is what is the meaning to be assigned to the expression 'hereunto annexed'. As for the word 'annexed', *Black's Law Dictionary* (4th Ed) at p 115 defines 'annex' as: 'Derived from the Latin annectere, meaning to tie or bind to, to attach, and often, specifically, to subjoin ... to add to; to unite. The word expresses the idea of joining a smaller or subordinate thing with another, larger, or of higher importance ... to make an integral part of something larger.' *Webster's Dictionary* includes in the definition of 'annex' the phrases, 'to add or affix, especially a smaller thing to a larger ... that which is added ... addition' (applied by Hope J in *Seiffeddine v Governor & Company of Adventures of England Trading into Hudsons Bay* (1978) 8 Alta LR (2d) 253 at p 257). 'Annexure' is something which is added, joined or attached, affixed, or appended (see *Panna v Mukhtiar Singh* AIR 1972 Punj 451 at p 454).

I would respectfully pray in aid of the definition of the verb 'annex' given in *Black's Law Dictionary* in construing the word 'annexed' appearing in Form 11 prescribed by r 106. The word 'hereunto' is merely complementary to the word 'annexed' for without it the sentence would be incomplete, and serves, if anything, to emphasize that the petition must be tied to, or bound to, or attached to, or joined to, or affixed to, or stapled to

A the verifying affidavit, so as to avoid any dispute as to what exactly is being verified.

Setelah menelitikan beberapa kes dari negara Australia, hakim yang bijaksana tersebut telah memutuskan di ms 536 berkenaan dengan persoalan: 'Apakah kesan jika ada kegagalan untuk mencantumkan petisyen B kepada afidavit menentusahkan petisyen', seperti berikut:

> I would accordingly hold that in the present case the creditor's petition had not been verified by affidavit with sufficient particularity to satisfy the requirements of s 6(1) and Form 11 prescribed by r 106 and that in the absence of any statutory provision to the contrary, the correct and the *only* satisfactory way to verify the contents of any document is to annex a copy C of it to the verifying affidavit. Accordingly, the failure to do so goes beyond being a mere irregularity and amounts to something that renders the proceedings a nullity thereby sweeping away the jurisdiction of the court. That being the case, the fact that no substantial injustice or no prejudice had been suffered by the debtor is besides the point and s 131 of the Act is without application.

D

Dengan segala hormatnya, setelah membaca penghakiman ini, saya bersetuju dengan pandangan hakim yang bijaksana tetapi saya berpendapat bahawa keputusan ini tidak menyokong hujah perayu berkenaan dengan penyerahan afidavit menentusahkan petisyen bersama-sama dengan petisyen. Saya tidak dapat menokok-tambah keputusan tersebut dan E menyatakan bahawa oleh kerana afidavit menentusahkan petisyen harus dicantumkan dengan petisyen, maka dengan itu, petisyen itu hendaklah dengan seterusnya diserahkan dengan afidavit. Ini adalah kerana k 108 Kaedah-Kaedah tersebut jelas menyatakan sebab mengapa afidavit tersebut harus difailkan sepertimana yang dikatakan oleh saya sebentar tadi; dan k 109 F Kaedah-Kaedah tersebut berkenaan dengan penyerahan petisyen jelas tidak menyebut tentang penyerahan petisyen bersama-sama dengan afidavit menentusahkan petisyen. Sekiranya itu adalah suatu keperluan, maka k 109 Kaedah-Kaedah tersebut akan memperuntukkan bahawa 'A creditor's petition *together with the affidavit verifying the petition* shall be personally served ... '. Oleh ini hujah perayu bahawa petisyen tidak diserah bersama-sama dengan G afidavit, tidak dapat diterima oleh saya, walaupun semasa saya memberikan keputusan lisan, saya telah menerima hujah perayu.

Secara kesimpulan, atas alasan-alasan yang dikemukakan di atas, saya membenarkan rayuan perayu.

H *Rayuan dibenarkan.*

Dilaporkan oleh Ng Kian Pin

I